

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[PETALING JAYA]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk menjelaskan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewajibkan majikan ekonomi gig untuk menyumbang kepada KWSP untuk pekerja mereka. Apakah langkah susulan setelah geran padanan RM50 juta untuk mencarum pekerja habis dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, trend pekerjaan dalam ekonomi gig semakin meningkat terutama dalam kalangan golongan muda dan mereka yang memerlukan fleksibiliti dalam pekerjaan. Mereka yang bekerja di dalam sektor ekonomi gig ada yang terlibat secara sepenuh masa sebagai sumber utama pendapatan dan ada juga yang bekerja secara separuh masa atau sambilan bagi mendapatkan pendapatan sampingan.
2. Kerajaan melihat ekonomi gig sebagai suatu sumber pertumbuhan ekonomi baharu selaras dengan peningkatan bilangan pekerja dan peluang pekerjaan. Menurut laporan Bank Dunia tahun 2019, dianggarkan 26% atau lebih kurang 4 juta daripada tenaga kerja di Malaysia adalah pekerja bebas (freelancer) atau di dalam ekonomi gig. Daripada jumlah tersebut, seramai 2.2 juta pekerja ekonomi gig telah berdaftar di platform Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC).
3. Konsep di dalam ekonomi gig adalah permintaan untuk perkhidmatan dan produk oleh individu atau syarikat dipadankan dengan penawaran oleh perkhidmatan dan produk oleh individu yang mempunyai kemahiran dan kemampuan untuk memenuhi permintaan tersebut. Bayaran akan diberikan setelah perkhidmatan atau penghasilan produk dilaksanakan pada kadar yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
4. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada hubungan yang jelas di antara majikan dan pekerja, golongan dalam ekonomi gig ini tiada perlindungan sosial yang formal dan manfaat pekerjaan seperti yang diperolehi oleh pekerja di dalam sektor formal.
5. Pada ketika ini, golongan yang bekerja sendiri dalam sektor tidak formal dan ekonomi gig boleh mencarum secara sukarela di dalam program i-Saraan KWSP bagi tujuan simpanan persaraan mereka. Selain

mendapat manfaat yang sama seperti ahli KWSP yang lain, ahli i-Saraan di bawah umur 55 tahun layak mendapat insentif khas daripada Kerajaan sebanyak 15 peratus caruman padanan tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 setahun.

6. Kadar insentif untuk i-Saraan ini adalah bagi tempoh mulai tahun 2018 hingga 2022. Tambahan geran padanan sebanyak RM50 juta (termasuk untuk caruman PERKESO) yang diumumkan baru-baru ini adalah sebagai galakan tambahan kepada golongan ekonomi gig untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka selain sebagai manfaat perlindungan sosial mereka.

7. Perlaksanaan mewajibkan caruman KWSP ke atas golongan yang bekerja di dalam sektor tidak formal seperti golongan ekonomi gig memerlukan kajian terperinci yang progresif dan menyeluruh memandangkan ianya melibatkan proses perundangan. Penglibatan libat urus yang komprehensif dengan semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan perlu diadakan mengambilkira faktor sektor ekonomi gig yang sentiasa berkembang dan dinamik.

Sekian, terima kasih.